

Newspaper	Berita Harian
Date	27 September 2015



Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak berhak menyingkirkan Datuk Seri Najib Razak kerana Perdana Menteri dipilih oleh rakyat yang mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).
Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak, berkata Nsgib menerajui BN selaku parti pemerintah yang memenangi pilihan raya umum berkenaan.
"Pada tahun 2013, rakyat atau pengundi dan bukannya Dr Mahathir yang meryadikan Najib sebagai Perdana Menteri. Dr Mahathir hanya seorang daripada 11 juta pengundi.

Dipilih ahli secara sah "UMNO yang memilih N'jib sebagai Presiden, dengan itu meryadikan beliau sebagai pemimpin UMNO yang dipilih oleh ahli secara sah," katanya menerusi catatan dalam blog beliau skeruak.blogspot.my.

Salleh mengulas, kenyataan terbaru Dr Mahathir di blog peribadi dengan mendakwa beliau berusaha gigih menjadikan Najib sebagai Perdana Menteri keenam.

"Sekurang-kurangnya tiada dakwaan berlakunya penipuan ketika pemilihan parti dan Najib juga tidak membatalkan pendaftaran UMNO untuk menutup penipuan, seperti apa yang Bapa Merdeka, Almarhum Tunku Abdul Rahman dakwa Dr Mahathir lakukan pada 1987," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir mendakwa beliau bekerja keras menjadikan N'jib sebagai Perdana Menteri sehingga melayakkannya untuk menyingkirkan pemimpin itu daripada Putrajaya.

Dakwaannya itu, katanya sama seperti yang dikatakan orang di Amerika Syarikat iaitu 'If I

"Sesetengah orang mungkin menggelarnya delusi atau khayalan untuk seseorang itu fikir yang beliau boleh menentukan siapa patut dan tidak patut memimpin negara, seolah-olah sistem demokrasi untuk memilih pemimpin dan kerajaan tidak lagi wujud"
"

Salleh Said Keruak,
Menteri Komunikasi dan Multimedia

can hire, then I can fire' (Jika saya boleh lantik, saya juga boleh pecat).

Salah tanggapan

"Ia tidak benar dan saiah tanggapan. Dr Mahathir bukan bos atau majikan N'jib yang boleh memecat beliau sesuka hatinya.

"Sesetengah orang mungkin menggelarnya delusi atau khayalan untuk seseorang itu fikir yang beliau boleh menentukan siapa patut dan tidak patut memimpin negara, seolah-olah sistem demokrasi untuk memilih pemimpin dan kerajaan. Udak lagi wujudkatanya.

Salleh berkata, mungkin Dr Mahathir boleh membuat dakwaan seperti itu jika ia membabitkan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi kerana beliau yang melantik pemimpin itu sebagai timbalarnya dan akhirnya meletak jawatan dan menyerahkan kepemimpinan negara kepada Abdullah.